

Headline	22,320 jemaah nikmati perkhidmatan lebih selesa		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Jun 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	14	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	315 cm <sup>2</sup>
Journalist	Fazli Abdullah fazliabddullah@bh.com.my	AdValue	RM 10,817
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,451



# 22,320 jemaah nikmati perkhidmatan lebih selesa



**Fazli Abdullah**  
fazliabddullah@bh.com.my  
Madinah, Arab Saudi

**Seramai** 22,320 jemaah haji Malaysia akan menikmati perkhidmatan lebih selesa ketika berada di sini, mulai musim haji tahun ini, antaranya ketika berurusan di Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohammad Abdulaziz di sini, yang memulakan operasi kira-kira sebulan lalu.

Konsul Haji Tabung Haji (TH), Redhuan Sabaruddin, berkata lapangan terbang itu yang menggantikan lapangan terbang lama dilengkapi terminal haji dengan enam pavilion yang akan digunakan oleh jemaah haji dari seluruh dunia.

Katanya, setiap pavilion akan menjadi tempat jemaah haji berkumpul sama ada yang baru tiba atau yang akan pulang ke tanah

air selepas selesai mengerjakan haji.

## Tempat menunggu selesa

Selain itu, katanya, pavilion yang berhawa dingin itu turut disediakan kemudahan asas seperti surau dan tandas.

"Sebelum ini, jemaah haji yang akan pulang terpaksa menunggu dalam bas sebelum menaiki pesawat tetapi mulai tahun ini mereka akan ditempatkan di pavilion.

"Ini sudah tentu akan memberi keselesaan kepada jemaah. Kami

juga menempatkan petugas untuk membantu jemaah kita," katanya kepada media Malaysia yang mengikuti program meninjau persiapan TH bagi musim haji 1436H di sini, semalam.

Mengenai penginapan jemaah, Redhuan berkata, Tabung Haji

menyediakan 12 hotel, iaitu sembilan di Makkah manakala Hotel Al Haram, Hotel Al Saha dan Hotel Anwar Madinah Movenpick di Madinah, masing-masing mempunyai 2,500, 730 dan 1,625 katil.

## Hotel dekat masjid

"Semua hotel ini berdekatan dengan Masjid Nabawi yang akan memudahkan jemaah untuk beribadat di masjid ini," katanya.

Beliau berkata, Tabung Haji Madinah juga akan beroperasi di bangunan baharu iaitu Darul Jeffri, kira-kira dua kilometer dari Masjid Nabawi.

Katanya, bangunan itu yang di-sewa selama tiga tahun mulai tahun ini, akan menempatkan kemudahan rawatan dan perubatan kepada jemaah, selain petugas perubatan di tempat penginapan.

Selain itu, katanya, Tabung Haji sudah membuat persiapan dari segi katering dan pengangkutan jemaah haji.

"Kami membuat persiapan sebaik mungkin untuk memberi keselesaan kepada jemaah haji termasuk kerjasama dengan pihak berkuasa di negara ini.

"Seramai 200 petugas Tabung Haji akan berkhidmat sepanjang musim haji kali ini," katanya.



Headline	22,320 jemaah nikmati perkhidmatan lebih selesa		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Jun 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	14	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	315 cm <sup>2</sup>
Journalist	Fazli Abdullah fazliabddullah@ bh.com.my	AdValue	RM 10,817
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,451



Hotel Anwar Madinah Movenpick di Madinah **berdekatan dengan Masjid Nabawi** memudahkan jemaah untuk beribadat.



“  
Kami membuat persiapan sebaik mungkin untuk **memberi keselesaan kepada jemaah haji**, termasuk mengadakan kerjasama dengan pihak berkuasa di negara ini”

**Redhuan Sabaruddin,**  
Konsul Haji Tabung Haji